

Janganlah cerita sekerat, Datuk Seri...



usaha sama dengan PetroSaudi International Ltd. USD1 bilion daripada wang berkenaan telah dipindahkan ke sebuah syarikat di Seychelles yang bernama Good Star Ltd.

Wang tersebut kemudiannya didakwa dipindahkan ke akaun Najib melalui dua Putera Arab Saudi iaitu Putera Turki Bin Abdullah dan Putera Faisal Bin Turki Bin Bandar al-Saud di mana USD24.5 juta daripada wang yang dipindah ke Good Star tadi telah dimasukkan ke akaun Putera Turki.

Daripada USD24.5 juta itu, sebanyak USD20 juta telah dipindahkan ke akaun Razak melalui Putera Faisal. Nah, hal inilah yang dinyatakan oleh Najib iaitu sebanyak USD20 juta yang dipindahkan ke akaun beliau adalah daripada Putera Faisal.

Apa yang tidak Najib terangkan ialah dakwaan transaksi USD24.5 juta dari Good Star ke akaun Putera Turki dan seterusnya USD20 juta dari akaun Putera Turki ke akaun Putera Faisal itu.

Pada fasa kedua pula, ia adalah melibatkan pembiayaan projek loji jana kuasa di mana dua bon yang bernilai USD3.5 bilion telah dijual oleh Goldman Sachs bagi pihak IMDB. IMDB sepatutnya membayar jaminan ke atas bon tersebut kepada syarikat Aabar Investments PJS, iaitu sebahagian daripada Abu Dhabi's International Petroleum Investment Company (IPIC).

Sekitar USD1.37 bilion yang sepatutnya dimasukkan ke akaun 'Aabar Investments PJS' sebaliknya telah dimasukkan ke akaun 'Aabar Investments PJS Ltd', iaitu sebuah syarikat di British Virgin Island (BVI) yang menyamar dengan nama hampir sama dengan syarikat asal yang sama sekali tiada kaitan dengan IPIC.

Daripada USD1.37 bilion yang dimasukkan ke syarikat yang palsu itu (Aabar Investments PJS Ltd), sekitar USD637 juta telah dimasukkan ke akaun syarikat Blackstone Asia Real Estate Partners (juga di BVI).

Sebanyak USD463 juta pula telah disalurkan ke dua dana bersama (mutual funds) di Caribbean sebelum kedua-duanya menyalurkan kembali dana tersebut kepada Blackstone Asia Real Estate Partners. Blackstone Asia Real Estate Partners inilah yang kemudiannya didakwa memindahkan sebanyak USD170 juta ke akaun peribadi AmBank Najib melalui beberapa transaksi pada 2012.

Tiga-tiga pula melibatkan usaha sama hartanah IMDB dan Abu Dhabi. Bon bernilai USD3 bilion telah sekali lagi dijual bagi pihak IMDB oleh Goldman Sachs untuk usaha sama ini.

Daripada USD2.72 bilion yang IMDB peroleh selepas membayar kepada Goldman Sachs, sekitar USD1.27 bilion telah dimasukkan secara berperingkat-peringkat melalui beberapa syarikat perantara di British Virgin Island dan Caribbean, ke akaun sebuah lagi syarikat di British Virgin Island (BVI) iaitu Tanore Finance Corp. Tanore Finance Corp kemudiannya

didakwa menyalurkan sebanyak USD680 juta ke akaun peribadi AmBank Najib sekitar pada 2013.

Maka, jumlah keseluruhan dana yang dimasukkan ke akaun Najib ialah USD1.05 bilion di mana seperti menurut WSI.

Maka Najib kini perlu menjawab persoalan berikut: mengapa tidak Datuk Seri bersama-sama Putera Turki dan Putera Faisal dan Arab Saudi menyaman ABC News dan Wall Street Journal hingga mereka melaporkan kepada wang sebegitu besar? Mengapa IMDB terpaksa membayar sebesar USD92 juta kepada IPIC' selagiakan sepatutnya IMDB pertahankan (alauwa mereka sudah pun membuat pembayaran kepada Aabar Investments PJS'?

Bukankah jelas di sini bahawa IMDB telah ditipu (atau pun menipu) pada siang hari?

* Penulis ialah Pengerusi Program Sarjana Politik Universiti Kebangsaan Malaysia

Rakyat Malaysia dikejutkan dengan pendedahan Datuk Seri Najib Razak tentang derma dari Arab Saudi yang beliau terima - namun pendedahan beliau itu sebenarnya sama sekali tidak 'membersihkan' nama IMDB, malah sebaliknya menimbulkan lebih banyak persoalan dan kecurigaan yang besar.

Pendedahan Najib juga sebenarnya tidak menghairankan sama sekali - sebaliknya membenarkan satu pertiga daripada tuduhan Wall Street Journal (WSJ) sejak 2016 yang lalu dalam laporan bertajuk 'How \$1 Billion Made Its Way to the Prime Minister' bertarikh 1 September 2016.

Pada fasa pertama, IMDB meminjam sekitar USD1.8 bilion untuk